

Rules And Regulations Make A Reservation at Master Printing Studio

Terma Dan Syarat Membuat Tempahan Di Master Printing Studio

Manual Skrip ini adalah satu bahan pemakluman awal tentang Terma & Syarat membuat tempahan di Master Printing Studio dalam menjamin hak kebersamaan antara pelanggan dengan kami di Master Printing Studio.

- 1) Semua tempahan di Master Printing Studio, hanya dilakukan secara atas talian (online) dan para pelanggan tidak dibenarkan hadir atau bertemu mana-mana pegawai kami secara berdepan atau melawati cawangan kami di seluruh Malaysia.
- 2) Untuk perbincangan tempahan boleh menggunakan aplikasi (Whatsapp) sahaja dan pastikan anda betul-betul faham tentang tempahan anda dan bersetuju dengan harga yang di tawarkan sebelum membuat bayaran secara Online Transfer.
- 3) Urusniaga di Master Printing Studio hanya menggunakan matawang Ringgit Malaysia, tetapi untuk pelanggan di cawangan Singapura dan Brunie boleh membuat bayaran dengan kadar tukar matawang semasa terus ke akaun kami yang diberikan semasa sesi perbincangan.

Rules And Regulations Booking Cancellation After Payment Is Made

Terma Dan Syarat Membuat Pembatalan Selepas Membuat Pembayaran Tempahan.

- 1) Sekiranya pelanggan ingin membuat pembatalan tempahan selepas bayaran dibuat atas sebab dan pendirian pelanggan sendiri, **satu surat pembatalan dan sebab pembatalan** tempahan hendaklah dibuat dalam tempoh (7 Hari) dari tarikh pemakluman pembatalan tempahan dan dihantar terus ke aplikasi Whatsapp Syarikat. Syarikat akan membuat pemulangan sebanyak 50% dari nilai pembayaran yang telah dibuat dalam tempoh (30 Hari).
- 2) Jika pelanggan tidak berpuas hati dengan hasil cetakan, sila maklumkan kepada wakil syarikat yang menerima pesanan. Sila sertakan nombor pesanan dan sebab ketidakpuasan hati. Kami akan bekerjasama dengan pelanggan untuk memenuhi Jangkaan Pelanggan.
- 3) SILA AMBIL PERHATIAN: Syarikat hanya akan mencetak semula atau membayar balik kos mana-mana produk yang gagal memenuhi syarat di bawah **JANGKAAN UMUM HASIL CETAKAN**
- 4) Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap kesilapan menaip, imej atau reka bentuk yang dihantar oleh pelanggan dalam proses penciptaan karya seni/dokumen. Dalam usaha untuk mengurangkan kos dan penjimatan masa para pelanggan, pihak syarikat tidak menyemak karya seni/dokumen untuk kandungan atau ejaan.

Rules And Regulations Delivery of Orders Directly to Customers

Penghantaran Tempahan Terus Kepada Pelanggan

- 1) Semua tempahan cetakan di Master Printing adalah PERCUMA untuk kos penghantar.
- 2) Semua barang dihantar oleh kurier yang dilantik syarikat ke semua negeri di Malaysia seperti di bawah. Juga kurier milik syarikat kami yang dipanggil – XEND, juga kini mengedar di beberapa kawasan dan terus berkembang ke kawasan lain.

WM : Ninja Van /Skynet/Gdex/ XEND
EM : Skynet/ABX
- 2) Walaupun syarikat berusaha untuk menghantar pesanan pelanggan yang lengkap tepat pada masanya, masa yang tepat ketibaannya di alamat pelanggan akan bergantung pada syarikat perkhidmatan kurier.
- 3) Walaupun syarikat komited untuk penghantaran barangan tepat pada masanya kepada semua pelanggan, syarikat tidak dapat menjamin ketepatan masa 100% disebabkan oleh faktor seperti bencana alam, kecemasan negara dan kecekapan syarikat perkhidmatan kurier.
- 4) Jika pelanggan belum menerima pesanan dalam masa penghantaran yang ditetapkan, sila maklum balas kepada syarikat kami tidak lewat daripada 7 hari bekerja dari tarikh masa penghantaran yang dinyatakan. Syarikat akan menyemak aduan pelanggan dan bekerjasama dengan pelanggan untuk memenuhi jangkaan penghantaran.

Rules And Regulations Confirmation Receive And Understand For Order At Master Printing Studio

Pengesahan Faham Terma & Syarat Sebelum Membuat Tempahan Di Master Printing Studio

Dengan menerima manual skrip ini, syarikat dengan ini yakin, pelanggan telah membaca tentang terma dan syarat membuat tempahan di Master Printing Studio dan mematuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan. Sebarang kesalahan yang melanggar terma dan syarat ini tidak akan dilayan. Sebarang bentuk surat menyurat juga tidak akan dilayan.

PENGURUSAN MASTER PRINTING STUDIO